

5 JAN 1996

DR MAHATHIR RASMI KOMPLEKS ANAK YATIM

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha membantu anak yatim dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti tempat berteduh, pakaian, makanan dan pendidikan harus dipergiatkan dengan melibatkan bukan sahaja pihak kerajaan malah semua lapisan masyarakat termasuk sektor swasta.

Katanya sifat suka membantu mereka yang kurang bernasib baik di kalangan masyarakat hendaklah terus dipupuk.

"Nilai murni ini akan dapat mewujudkan suasana kesejahteraan di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini di samping membantu golongan ini mendapat perlindungan," katanya dalam buku cenderamata sempena perasmian Kompleks Anak-anak Yatim Darul Kifayah Wilayah Persekutuan di Kampung Delima di sini hari ini.

Dr Mahathir merasmikan kompleks berharga RM2 juta itu, yang merupakan satu daripada yang terbesar di Wilayah Persekutuan.

Kompleks itu menempatkan kira-kira 100 anak yatim lelaki dan perempuan, yang berusia daripada lapan hingga 17 tahun.

Kompleks itu, yang siap pada tahun 1993, mengandungi dua blok asrama, satu blok dewan makan, sebuah pejabat pentadbiran, sebuah padang permainan, gelanggang sepak takraw dan badminton serta sebuah surau yang boleh memuatkan 100 orang jemaah.

Ia dibina dengan sumbangan bantuan daripada pelbagai pihak termasuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan orang perseorangan.

Kompleks Darul Kifayah adalah di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan Datuk Adam Abdul Ahad Abdul Rahim sebagai pengerusinya. Adam juga ialah anggota Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. -- BERNAMA